

NILAI SOSIAL DALAM PUISI IMAM SHĀFI'Ī RAHIMAHULLAH SATU PENDEKATAN DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU

Khazri Osman¹, Siti Rugayah Tibek², Ahmad Irdha Mokhtar³,
Najihah Abd Wahid⁴ Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon⁵

¹Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia.

³Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

⁴Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

⁵Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Malaysia.

Emel: khazri@ukm.edu.my, sitirugayah@usim.edu.my, irdha@ukm.edu.my,
anajihah@unisza.edu.my, ekmalnuur@utem.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menjelaskan konsep nilai sosial dan mengenal pasti kewujudannya dalam puisi Imam Shāfi'ī, salah seorang ulama dan pendakwah yang ternama pada zaman 'Abbāsiyah. Keserjanaan beliau meliputi bidang fiqah dan bahasa Arab, walaupun masyarakat lebih mengenali beliau selaku seorang faqih berbanding ahli sastera. Sebahagian besar isi kandungan puisi beliau berkait soal akhlak, pendidikan, dan keadaan masyarakatnya pada zamannya. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menjadikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Bait-bait puisi yang terpilih dianalisis menggunakan teori takmilah. Hasil kajian ini menunjukkan nilai sosial pendekatan dakwah kepada saudara baru yang terdapat dalam puisi beliau ialah bermurah hati, menunaikan zakat kedudukan dan memberi maaf.

KATA KUNCI: nilai, puisi Imam Shāfi'ī, sosial, saudara baru

ABSTRACT

This study aimed to clarify the social value concept and identify its existence in the poems of Imam Shāfiʿī, one of the renowned scholar and preacher in the ʿAbbasiad times. His scholarly, covers the field of fiqh (religious law) and Arabic language, although he is well-known among the community as a 'faqih' compared to other literary figures. Most of the content of his poems relate to the question of morality, education and society during his time. This study uses the qualitative method by making content analysis as the study design. Selected poems rhymes are analyzed using 'takmilah' theory. The study shows the social value of 'dakwah' approach for converts found in his poems such as showing generosity, performing 'zakat' (based on one's position) and extending forgiveness.

KEYWORDS: *values, Imam Shāfiʿī poems, social, converts*

1.0 PENGENALAN

Kajian tentang masyarakat tidak akan sempurna tanpa mengambil kira agama sebagai faktor yang mendasari pembentukan nilai dalam sesebuah masyarakat. Secara asasnya, nilai dalam Islam berpaksikan al-Quran dan sunah. Apabila nilai sosial tidak diambil kira dalam pencorakan sebarang sistem dibimbangkan akan wujudnya konflik yang menjarakkan antara golongan dāʿī dan madʿū. Keterkaitan yang amat rapat antara nilai dengan akhlak manusia adalah jelas lantaran peranannya memandu seseorang untuk berinteraksi dengan sekitarnya. Adat yang berlaku, mana-mana individu dalam masyarakat yang mengamalkan nilai baik akan diberi ganjaran. Sebaliknya, jika ada yang menyeleweng atau mengamalkan nilai negatif, dia akan diberikan hukuman. Justeru, adalah penting bagi dāʿī mempraktikkan nilai sosial yang positif dalam pergaulannya bagi menambat hati madʿū khususnya saudara baru.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep dan kepentingan nilai sosial. Dan menganalisis nilai sosial yang terdapat dalam puisi-puisi Imam Shāfiʿī serta kaitannya dengan pendekatan dakwah terhadap saudara baru.

1.2 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menjadikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Tumpuannya ialah terhadap nilai sosial yang terdapat dalam bait-bait puisi Dīwān Imam Shāfiʿī.

Bait-bait puisi yang mengandung nilai sosial daripada Dīwān Imam Shāfiʿī dipilih kemudian diterjemahkan ke dalam dalam bahasa Melayu. Seterusnya dianalisis menggunakan teori takmilah bagi mengenal pasti nilai sosial serta kaitannya dengan pendekatan dakwah terhadap saudara baru.

1.3 Definisi Nilai Sosial

Para sarjana dari segenap bidang prihatin terhadap peranan nilai dalam kehidupan lantaran kaitannya dengan sosial atau kemasyarakatan, ekonomi, politik, agama, dan akhlak sama ada untuk individu mahupun kelompok masyarakat. Peranannya besar dalam menentukan tingkah laku manusia. Kehidupan akan lebih bermakna jika aspek nilai dipenuhi kerana hanya nilai sahaja yang boleh membezakan antara insan dengan makhluk lain. Nilai menyetarakan kedudukan individu walaupun berbeza warna kulit, kecenderungan politik, bangsa atau sosio-ekonomi. Menurut Hawlī (2003) nilai adalah sifat sahsiah yang disukai dan diminati oleh sebahagian manusia dalam budaya tertentu. Zahrān (1994) pula berpandangan nilai adalah sesuatu yang boleh diusahakan dan dipelajari. Ia terhasil melalui proses pembinaan masyarakat, pergaulan dan tidak balas terhadap mereka. Definisi ini menguatkan kepercayaan bahawa nilai adalah sesuatu yang boleh diperoleh daripada pergaulan dan persekitaran.

Nilai sosial ialah sekumpulan nilai yang menyebabkan individu mengetahui, menyedari dan memahami kewujudannya dalam masyarakat. Hasilnya, dia akan lebih berperanan dalam kelompoknya (Abū al-ʿAynayn, 1988). Definisi ini diperincikan oleh Mazīn (2009), nilai sosial ialah akhlak individu yang memberi kebaikan kepada masyarakat yang diasaskan oleh tolong-menolong, sayang-menyayangi, mengeratkan hubungan dan mengasih orang lain. Beliau turut memetik pandangan Nūr al-Sayyid Salwat bahawa nilai sosial selayaknya menentukan cara bagaimana untuk berhubung dan berinteraksi dengan anggota masyarakat yang lain. Selain itu, nilai sosial turut melibatkan toleransi dan hubungan kekeluargaan (Mubriz, 2011). Daripada definisi-definisi yang dinyatakan, dapat disimpulkan nilai sosial merupakan akhlak positif yang melibatkan hubungan dua hala individu dengan masyarakat.

Nilai boleh dikatakan sebagai satu sistem yang baik, berguna dan bermanfaat kepada semua manusia. Nilai ini perlu dididik, dicari, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Nilai ini boleh berubah dengan adanya didikan daripada pihak lain. Untuk mencapai matlamat ini, nilai-nilai yang baik perlu diamalkan secara berterusan

untuk menghasilkan individu yang mengamalkan gaya hidup berakhlak dan beretika dalam kehidupan (Khairul Hamimah Mohammah Jodi, Mohd Fauzi Hamat & Hadenan Tawpek, 2012). Untuk membezakan antara nilai baik dan buruk, rujukan utama ialah al-Quran, hadis, ijmak ulama dan qiyas. Selain itu, *ʿurf* juga wajar diambil kira. Ia terbahagi kepada dua; *ʿurf ṣaḥīḥ* dan *fāsid*. Contoh *ṣaḥīḥ* ialah hadiah iringan yang diberikan oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan semasa akad nikah. Secara *ʿurf* ia tidak dianggap sebagai mahar tetapi sekadar pemberian. Contoh *fāsid* ialah kebiasaan masyarakat berurus niaga menggunakan riba dan kontrak yang berunsurkan judi. Dari segi hukum *ʿurf ṣaḥīḥ* sewajarnya dipelihara manakala yang *fāsid* perlu dijauhi (Khallāf t.th.).

2.0 IMAM SHĀFIʿĪ & PUISINYA

Nama sebenar Imam Shāfiʿī ialah Muhammad bin Idrīs bin al-ʿAbbās bin ʿUthmān, bin Shāfic, bin al-Sāib, bin cUbayd, bin cAbd Yazīd, bin Hāshim, bin ʿAbd al-Muṭṭalib bin ʿAbd Manāf (Aṣbahānī, 1974). Beliau dilahirkan pada tahun 150 Hijrah di Ghazzah, Palestin. Pada mulanya beliau menekuni sastera, bahasa Arab dan puisi. Namun beliau memfokuskan minatnya kepada fiqah. Antara pemangkin perubahan ini ialah peristiwa persuaannya dengan Muslim bin Khālid al-Zanjī lalu dinasihatkan agar mememanfaatkannya dalam bidang fiqah (Nawawī, 2007). Imam Shāfiʿī hidup pada zaman ʿAbbāsī yang terkenal dengan perkembangan ilmu pengetahuan, terjemahan, falsafah, dan penyusunan karya-karya ilmiah. Demi mendalami ilmu bahasa Arab, Imam Shāfiʿī menetap selama tujuh belas tahun bersama kabilah Hudhayl. Kabilah ini cukup terkenal mempunyai tahap kefasihan bahasa Arab yang tinggi. Beliau mempelajari bahasa, pertuturan dan cara hidup mereka. Apabila kembali ke Makkah, beliau terus berpuisi, bersastera dan meriwayatkan kisah orang Arab zaman silam.

Seterusnya Imam Shāfiʿī pergi ke Madinah Munawwarah untuk menjadi pelajar Imam Mālik bin Anas khusus mempelajari kitab al-Muwattāʿ dan berjaya menghafaznya dalam tempoh sembilan hari. Imam Mālik mengaguminya kerana berkebolehan menguasai al-Muwattāʿ walaupun baru berusia tiga belas tahun (Ibn ʿAsākir 1995). Beliau meninggal dunia pada Khamis malam Jumaat, hari terakhir bulan Rejab tahun 204 Hijrah di Mesir, ketika berusia 54 tahun (Nawawī, 2007). Sepertimana antologi-antologi puisi Arab yang lain, antologi puisi Imam Shāfiʿī biasanya dimulakan dengan pengenalan terhadap beliau berserta riwayat hidupnya. Puisi beliau dihimpunkan oleh ramai sarjana namun boleh disimpulkan bahawa golongan mutakhir mendapat faedah daripada mereka yang terdahulu kerana didapati

antologi puisi ini semakin lama semakin kemas penyusunannya. Ada dalam kalangan penghimpun yang tidak melakukan tahkik antologi puisi ini. Berbanding sebahagiannya yang melakukan proses suntingan dengan meletakkan nota yang mengandungi sumber dari mana bait puisi itu diperoleh dan keterangan perkataan yang kurang jelas maksudnya. Ini dapat dilihat dalam karya-karya yang diterbitkan tahun 90-an dan seterusnya. Antara pengkaji yang berbuat demikian ialah Mujāhid Muṣṭafā Bahjat (1999) dan Ahmad Shitaywī (2003).

2.1 Definisi Saudara Baru

Saudara baru atau muallaf didefinisikan oleh Ahmad Mukhtār (2008) sebagai golongan yang didekatkan hatinya dengan cara berbuat baik dan pemberian kasih-sayang. Istilah muallaf biasanya dikaitkan dengan golongan keempat dalam senarai asnaf. Menurut Anuar Puteh, saudara baru merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah *et al.*, 2014). Dalam konteks Malaysia yang memiliki masyarakat berbilang kaum, saudara baru berketurunan Cina, India atau lain-lain adalah termasuk dalam kumpulan muallaf. Mereka merupakan aset yang amat bernilai dari sudut perkembangan syiar Islam kerana secara tidak langsung boleh menangkis tanggapan negatif oleh masyarakat non-muslim.

2.2 Teori Takmilah

Teori ini diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1993. Ia dibina atas atas kepercayaan yang didasarkan kepada konsep kesyumulan (Najihah Abdul Wahid, 2014). Selanjutnya Maharam Mamat (2012) memetik kajian oleh Kamariah Kamarudin bahawa aspek tarbiah berdasarkan prinsip hubungan manusia dengan Allah s.w.t. dan hubungan manusia dengan manusia berdasarkan tujuh prinsip dalam takmilah; prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, prinsip kerasulan sebagai insan kamil, prinsip keislaman yang bersifat akmal, prinsip ilmu dengan karya sastera yang bersifat takmilah, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri dan prinsip memfokuskan kepada khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil.

Untuk kajian ini, fokus lebih terarah pada prinsip ketujuh iaitu khalayak. Khalayak yang aktif akan mendapat kesan positif daripada apa-apa bahan yang dijadikan bacaan. Kesenambungan akan memupuk khalayak ke arah insan yang kamil. Menurut Kamariah Kamarudin

lagi, pengutaraan kesan yang baik dan murni ini bukan sekadar menampilkan karya dengan makna yang tersurat tetapi merangkumi makna yang tersirat agar khalayak benar-benar menikmati nilai kebaikan dan kemurnian sebagai teladan atau iktibar dalam kehidupan mereka. Kesan kenaikan ini perlu dipupuk dari awal dan secara berterusan demi melahirkan satu masyarakat yang harmoni dalam mengenal diri sendiri dan keharmonian dengan Allah sebagai Pencipta Yang Maha Agung (Maharam Mamat, 2012).

2.3 Nilai Sosial Dalam Puisi Imam Shāfi'ī Sebagai Pendekatan Dakwah Kepada Saudara Baru

Bermurah hati. Shitaywī (2003) menukilkan bait puisi oleh Imam Shāfi'ī:

وَإِنْ كَثُرَتْ عُيُوبُكَ فِي الْبِرَائِيَا وَسَرَكَ أَنْ يَكُونَ لَهَا غَطَاءٌ
يُغْضَى بِالسَّمَاخَةِ كُلِّ عَيْبٍ وَكَمْ عَيْبٍ يُغْطِيهِ السَّخَاءُ

Maksudnya:

Sekiranya banyak kesilapanmu terhadap makhluk, dan engkau mahu ia dihapuskan. Setiap kesilapan ditutup dengan kemurahan, dan berapa banyak keaiban yang ditutup oleh kemurahan hati.

Samāhah dari aspek bahasa bermaksud murah hati (Ahmad Mukhtār, 1998), manakala dari segi istilah pula ada dua definisi; menyampaikan pemberian yang bukan wajib (Khadimī, 1998) dan musāmahah bermakna musāhalah, iaitu mempermudah, bertolak ansur, bersikap mahu berlebih kurang atau saling memberi dan menerima (Razī, 1999). Islam bukan sekadar menyuruh mengeluarkan pemberian yang wajib, bahkan turut menggalakkan infak perkara-perkara yang sunat demi mengukuhkan hubungan sesama manusia di samping memelihara hubungan dengan Allah s.w.t.

Dā'i yang boleh diteladani mengamalkan infak kepada mad'ū khususnya saudara baru semasa dia susah atau senang, gembira mahupun dukacita. Hasilnya, hubungannya dengan Allah s.w.t., manusia dan syurga akan menjadi lebih dekat. Namun begitu, sakhā' yang dimaksudkan oleh Imam Shāfi'ī dalam rangkap kedua itu bukan sekadar pemurah dari segi harta sahaja, kerana definisinya ialah memberikan apa yang sepatutnya kepada siapa yang wajar menerimanya (Munāwī, 1990). Dā'i selaku insan yang dekat dengan masyarakat boleh mempelbagaikan bentuk sumbangannya seperti:

- a) Meluangkan masa untuk membantu mad'ū dalam kesusahan. Seperti yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Selangor

- (MAIS) dengan memberi bantuan pembinaan, pembelian dan baik pulih rumah, di samping tempat tinggal sementara yang diberi nama Baitul Salam (Zulkifli Abdul Hamid, 2013).
- b) Menyampaikan nasihat dan pandangan berdasarkan keupayaan akademik yang dimiliki, kerana ilmu itu didahagakan oleh semua golongan; atasan mahupun bawahan. Adapun harta hanya golongan yang susah sahaja memerlukannya. Ia mampu menjaga pemilikinya, manakala harta perlu pengawasan pemilikinya (Ibn al-Qayyim t.th.).
 - c) Menunjukkan kepada orang lain cara melakukan kebajikan kerana penunjuk jalan kebaikan itu meraih pahala seperti pelakunya. Dalam hal ini, dāʿi boleh menunjukkan kepada saudara baru bagaimana kaedah terbaik mendapatkan bimbingan tentang Islam. Sungguhpun begitu Munāwī (1970) berpandangan, ganjaran dikira berdasarkan susah payah pelakunya.
 - d) Menjawab persoalan-persoalan berkaitan hukum-hakam yang diajukan oleh madʿū kerana menyembunyikan ilmu adalah dilarang. Ilmu yang dimaksudkan terkhusus pada perkara fardu. Contohnya, non-muslim yang meminta diajarkan tentang Islam atau solat. Termasuk juga sesiapa yang bertanya tentang hukum halal dan haram (ʿAzīm Ābādī, 1995). Pihak yang bertanya akan berasa puas hati dan gembira apabila kemusykilannya terungkai.

Menunaikan zakat kedudukan. Shitaywī (2003) menukilkan bait Imam Shāfiʿī:

كَمِثْلِ زَكَاةِ الْمَالِ تَمَّ نَصَائِبُهَا
فَخَيْرُ تِجَارَاتِ الْكِرَامِ اكْتِسَابُهَا

وَأَدَّ زَكَاةَ الْجَاهِ وَاعْلَمَ بِأَنَّهَا
وَأَحْسِنَ إِلَى الْأَحْرَارِ تَمَلِّكَ رِقَابَهُمْ

Maksudnya:

Tunaikanlah zakat kedudukan dan ketahuilah bahawa, ia seperti zakat harta apabila cukup nisabnya. Berbuat baiklah kepada orang lain, nescaya kamu akan dapat menguasai mereka. Maka sebaik-baik perniagaan orang yang mulia ialah berusaha melakukannya.

Zakat dari segi bahasa bermaksud bersih, suci, subur dan berkembang (Ibn Fāris, 2002). Jāh pula bermaksud kuasa atau kedudukan. Apabila digabungkan kedua-dua perkataan ini, ia membawa erti membersihkan kuasa agar ia subur dan berkembang. Ibn Manzūr (1993) mendefinisikan zakat kedudukan sebagai pertolongan oleh golongan yang mampu terhadap orang yang memerlukan, sebagaimana Islam mewajibkan zakat harta terhadap golongan kaya. Dari segi fiqah

pula, zakat kedudukan boleh diertikan sebagai shafā'ah atau wāṣīṭah (pengantaraan). Ibn Taymiyah (1995) membahagikan shafā'ah kepada dua; ḥasanah dan sayyiah. Shafā'ah ḥasanah ialah membantu perkara yang disukai oleh Allah s.w.t dan rasul-Nya, sama ada memberi sesuatu yang mendatangkan kebaikan atau menjauhkan mudarat kepada yang berhak.

Kedudukan yang baik merupakan antara kurniaan Allah s.w.t. kepada seseorang bagi memudahkannya menyalurkan manfaat kepada golongan memerlukan untuk berkongsi kesenangan. Hasilnya, golongan yang dibantu akan mendoakan kesejahteraan dan keberkatan untuknya sebagai tanda terima kasih. Allah s.w.t. pula akan membalas kebaikan tersebut dengan melepaskan kesusahannya di dunia dan memudahkan urusannya di dunia dan Akhirat. Dalam rangkap puisi yang lain Imam Shāfi'ī turut mengungkapkan maksud yang hampir sama, sebagaimana dinukilkan oleh Bahjat (1999):

وَجَبْتُ عَلَى زَكَاةٍ مَا مَلَكَتُ يَدِي
فَإِذَا سَأَلْتُ فَجُدْ فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ
وَزَكَاةٌ جَاهِي أَنْ أَعِينَ وَأَشْفَعَا
فَاجْهَدْ بِجَهْدِكَ كُلَّهُ أَنْ تَنْفَعَا

Maksudnya:

Zakat diwajibkan ke atas apa yang aku miliki, dan zakat kuasaku ialah membantu dan memberi shafā'ah. Jika kamu diminta maka bermurah hatilah sekalipun tidak mampu, maka berusaha bersungguh-sungguh untuk memberi manfaat.

Setiap bantuan yang dihulurkan oleh dā'ī kepada saudara baru bagi tujuan shafā'ah hendaklah didasari oleh niat ikhlas tanpa mengharapkan habuan dunia dan sanjungan, kerana golongan yang dibantu mungkin dalam keadaan terdesak dan dizalimi. Jika ditetapkan kadar tertentu sebagai upah, sudah tentu akan membebankan. Ini wajar dijaga kerana shafā'ah adalah akhlak terpuji yang sememangnya diperintahkan syarak, maka ia tidak memerlukan upah sebagaimana perkara-perkara lain yang masyhur kebaikannya. Juwāliqī (t.th.) menukilkan kisah seorang lelaki mengunjungi al-Ḥasan bin Sahl mohon bantuan lalu beliau menunaikan hajatnya. Apabila lelaki tersebut berterima kasih kepada al-Ḥasan, beliau membalasnya sambil merendah diri dengan berkata "Kamu berterima kasih kepadaku untuk apa? Kami berpandangan kedudukan juga mempunyai zakatnya sebagaimana harta juga miliki zakat".

Walaupun meminta upah tidak dibenarkan di sisi syarak, dā'ī diharuskan menerima hadiah yang boleh menjadi wasilah pertautan

mahabbah antara dua pihak. Upah dan hadiah dua perkara yang berbeza kerana upah berteraskan kontrak pertukaran (معاوضة), manakala hadiah ialah pemberian tanpa permintaan sebagai tanda penghargaan dan memuliakan seseorang (Nawawī, 1991). Antara pendekatan shafāʿah ialah penubuhan pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti PERKIM, Hidayah Centre, ABIM Outreach dan lain-lain. Mengambil contoh PERKIM, menurut Ab Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Hj Siren, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi & Mohd Anwarulhaq Sulaiman, ia ditubuhkan demi mengembangkan ajaran Islam khusus kepada mereka yang tiada sebarang anutan agama dan keduanya ialah untuk membantu saudara muslim dalam pemahaman dan amalan dalam akidah Islam. Selain itu, untuk menolong mereka yang masih menganggur dan mengalami kesusahan setelah ditinggalkan keluarga akibat memeluk agama Islam yang membantu dakwah saudara baru (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah *et al.*, 2014).

Memberi maaf. Shitaywī (2003) menukulkan bait puisi oleh Imam Shāfiʿī:

لَمَّا عَفَوْتُ وَلَمْ أَحْفَظْ عَلَى أَحَدٍ أَرَحْتُ نَفْسِي مِنْ هَمِّ الْعِدَاوَاتِ

Maksudnya:

Apabila aku memaafkan dan tidak dengki kepada orang lain, bererti aku merehatkan jiwaku daripada permusuhan.

Farāhidī (t.th.) mentakrifkan ḥiqd dari aspek bahasa bermaksud menyimpan dendam dalam hati dan menunggu peluang untuk melepaskannya. Manakala dari segi istilah, Jurjānī (1983) mendefinisikannya sebagai bersangkaburuk dalam hati kepada manusia dengan tujuan permusuhan. °Afw pula didefinisikan oleh Farāhidī sebagai meninggalkan balasan terhadap orang yang wajar menerimanya (Ibn Fāris, 2002). °Afw dan dan ṣafḥ mempunyai persamaan, cuma ṣafḥ bukan sahaja mangsa tidak membalas keburukan dengan keburukan, malahan tidak mencerca pelakunya serta melupakannya terus (Qurṭubī, 1964). Haytamī (1987) mengaitkan marah, dendam (ḥiqd) dan dengki kerana bagi beliau dengki terhasil daripada dendam yang berpunca daripada perasaan marah tidak bertempat. Justeru, ramai sarjana dalam bidang tarbiah kerap menggabungkan dendam dan dengki dalam kajian mereka. Antaranya Ibn Qudāmah al-Maqdisī (1978) yang berpandangan antara punca utama berlakunya dengki dan dendam ialah sikap manusia suka menunjuk-nunjuk kelebihan dirinya.

Selain beliau, Ibn Hibbān (1977) meletakkan dendam adalah punca kejahatan. Daripada hasad akan lahir dendam kerana orang yang menyimpan kejahatan dalam hatinya akan menumbuhkan pohon yang pahit rasanya sementara buahnya pula adalah penyesalan. Memaafkan kesalahan boleh merawat penyakit dendam dan ia bersesuaian dengan manhaj Islam yang membawa rahmat dan kasih-sayang untuk seluruh manusia. Ini terbukti apabila perkataan (عفو) diulang sebanyak tiga puluh enam kali dalam al-Quran. Ia tidak wajib tetapi amat digalakkan kerana melambangkan kesempurnaan akhlak dan ketakwaan. Apatah lagi untuk kesalahan yang dilakukan tanpa sengaja, sangat wajar untuk dimaafkan pelakunya. Jika ia melibatkan kerosakan atau kehilangan material, boleh dituntut ganti rugi yang sesuai. Pandangan Ibn Hibbān (1977), jika yang datang meminta maaf itu jujur wajar maafnya diterima. Jika dia didapati berbohong, seeloknya tidak dibalas dosanya yang lampau itu. Selain bait di atas, Imam Shāfi'ī turut menyatakan hal yang sama melalui puisinya sebagaimana maksudnya dipetik oleh Shitaywī (2003):

Terimalah permohonan maaf sesiapa yang datang, sama ada berbuat baik atau jahat kepadamu. Sesungguhnya orang yang secara zahirnya membuatkan engkau reda telah mentaatimu, dan orang yang bersembunyi daripada menentangmu telah mentaatimu.

Shitaywī (2003) juga turut menukilkan:

Elokkan pergaulan dan maafkanlah sesiapa yang berbuat jahat, dan balas tetapi dengan cara yang lebih baik.

Khusus untuk saudara baru, tentunya golongan ini akan melakukan pelbagai kesilapan lantaran belum memahami selok-belok agama Islam. Justeru, dā'ī seharusnya berlapang dada memaafkan kesilapan mereka serta disusuli dengan bimbingan agar mereka lebih mengenal Islam. Segelintir manusia berpandangan memaafkan kesalahan menunjukkan kelemahan seseorang dan mengakibatkan dirinya dihina. Realitinya walaupun maaf telah diterima hak seseorang tidak diketepikan tanpa menimbulkan ketegangan. Dari aspek kesihatan, bersikap pemaaf dapat menstabilkan tekanan darah dan denyutan nadi. Nāsir (2012) menampilkan satu kajian yang dilakukan di Universiti Tennessee, Amerika Syarikat terhadap 107 orang responden dalam kalangan pelajar. Didapati 20 orang yang tidak bersikap pemaaf mengalami tekanan darah yang tinggi dan kadar denyutan nadi yang cepat. Jelas di sini, dā'ī sewajarnya bersedia memaafkan kesalahan mad'ū serta tidak menyimpan dendam terhadap mereka. Cara sebegini boleh menautkan antara hati kedua-duanya sekali gus memudahkan dakwah mencapai

matlamatnya. Kata Abū al-Dardā' "Orang yang paling mulia ialah yang memaafkan sedangkan dia mampu membalasnya. Maaafkanlah, nescaya kamu akan dimuliakan Allah s.w.t." (Nuwayrī, 2002).

3.0 KESIMPULAN

Puisi Imam Shāfi'ī sarat dengan panduan tarbiyah, secara khusus nilai sosial seperti ialah bermurah hati, menunaikan zakat kedudukan dan memberi maaf. Nilai-nilai ini seharusnya dijadikan panduan oleh dā'ī untuk membina hubungan dengan Allah s.w.t. dan disusuli dengan aplikasinya dalam dakwah terhadap saudara baru. Rangkap-rangkap Imam Shāfi'ī yang selari dengan al-Quran dan hadis serta pendapat para ilmuwan dalam segenap cabang ilmu Islam menjadi bukti kehebatan ilmu beliau tidak terhad pada zaman Abbāsiyah sahaja malah sehingga ke abad ini. Teori takmilah melengkapkan keistimewaan sudut tarbiyah yang terdapat puisi beliau.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim. (2010). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir
- Abū al-ʿAynayn, ʿAlī Khalīl. (1988). *Al-Qiyam Al-Islamiyyah Wa Al-Tarbiyah*. Beirut: Dār al-Fikr al-ʿArabī.
- Ahmad Mukhtār, ʿAbd al-Ḥamīd ʿUmar. (2008). *Muʿjam Al-Lughah Al-ʿArabiyyah Al-Muʿāṣirah*. Beirut: ʿĀlam al-Kutub.
- Aṣbahānī, Ahmad ʿAbdullah. (1974). *Ḥilyah Al-Awliyāʾ*. Kaherah: Al-Saʿādah.
- Bahjat, Munjid Mustafā. (1999). *Dīwān Al-Shāfiʿī*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- ʿAzīm Ābādī, Muhammad Ashraf. (1995). *ʿAwn Al-Maʿbūd Maʿ Hāshiyah Ibn Al-Qayyim*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Farāhidī, Khalil Ahmad. (t.th). *Kitāb Al-ʿAyn*. Beirut: Dār Wa Maktabah al-Hilāl.
- Hawī, ʿAliyān ʿAbdullah. (2003). *Al-Uṣūl Al-Ijtamiʿiyyah Wa Al-Falsafiyah Li Al-Tarbiyah*. Gaza: Maktabah Āfāq.
- Haytamī, Ahmad Ahmad. (1987). *Al-Zawājir ʿAn Iqtirāf Al-Kabāir*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad Abu Bakr. (t.th). *Miftāh Al-Dār Al-Saʿādah*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn ʿAsākir, ʿAlī al-Hasan. (1995). *Tārīkh Dimashq*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Fāris, Ahmad ibn Fāris. (2002). *Maqāyīs Al-Lughah*. Beirut: Ittihād al-Kitab

al-Arab.

- Ibn Ḥibbān, Muhammad ibn Hibban. (1977). *Rawḍah Al-‘Uqalā’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Manẓūr, Muhammad Mukarram. (1993). *Lisān Al-‘Arab*. Beirut: Dār Sādir.
- Ibn Qudāmah al-Maqdisī, Ahmad ‘Abd al-Raḥmān. (1978). *Mukhtaṣar Minhāj Al-Qāsidīn*. Damsyik: Dār al-Bayān.
- Ibn Taymiyah, Ahmad ‘Abd al-Ḥalīm. (1995). *Majmū‘ Al-Fatāwā*. Arab Saudi: Majma‘ al-Malik Fahd.
- Jurjānī, ‘Alī Muhammad. (1983). *Al-Ta‘rīfāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Juwālīqī, Mawhūb Ahmad. (t.th). *Sharḥ Adab Al-Kātib Li Ibn Qutaybah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī.
- Khadimī, Muhammad Muhammad Mustafa. (1998). *Barīqah Maḥmūdiyyah Fi Sharḥ Ṭarīqah Muhammadiyah Wa Sharī‘ah Muhammadiyah*. Mesir: Maktabah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī.
- Khairul Hamimah Mohammah Jodi, Mohd Fauzi Hamat & Hadenan Towpek. (2012). Nilai-nilai islam dalam program pemulihan banduanita di penjara. *Jurnal Usuluddin Universiti Malaya*, 99-116.
- Khallāf, ‘Abd al-Wahhāb. (t.th). *‘Ilm Uṣūl Al-Fiqh*. Mesir: Maktabah al-Da‘wah.
- Maharam Mamat, Maisarah Yaacob & Norasiah Abdullah. (2012). Tarbiah dalam novel papa... (akhirnya kau tewas jua!). *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 13. <http://journalarticle.ukm.my/5954/1/g.pdf>.
- Mazīn, Khālīd Muhammad. (2009). *Al-qiyam al-akhlāqīyyah al-mutaḍammīnah fi muḥṭawā kutub lughatuna al-jamīlah*. Islamic University of Gaza.
- Mubriz, Ibrāhīm Ḥamd. (2011). *Al-qanawāt al-fadāīyyah wa ta’tḥīruhā ‘ala manẓūmah al-qiyam al-ijtimā‘īyyah*. Imām Muhammad Sa‘ūd University.
- Munāwī, ‘Abd al-Raūf Tāj al-‘Ārifīn. (1970). *Fayḍ Al-Qadīr*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Munāwī, ‘Abd al-Raūf Tāj al-‘Ārifīn. (1990). *Al-Tawqīf ‘Alā Muhimmāt Al-Ta‘ārīf*. Kaherah: ‘Ālam al-Kutub.
- Najihah Abdul Wahid. (2014). *Pemikiran imam al-shāfi‘ī dalam puisi-puisi akidah dan tasawuf*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Nāṣir, Maymūnah. (2012). *Al-Tasāmuh Mazāhiruhu Wa Āthāruhu*. <http://www.alukah.net/social/0/42727/>.
- Nawawī, Yahya Sharaf. (1991). *Rawḍah Al-Ṭālibīn*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.
- Nawawī, Yahya Sharaf. (2007). *Tahdhīb Al-Asmā’ Wa Al-Lughāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah, Razaleigh Kawangit, Anuar Puteh & Fakrul Adabi Abdul Kadir. (2014). Persepsi saudara muslim terhadap program dakwah di pertubuhan kebajikan islam malaysia (perkim) kebangsaan, kuala lumpur. *Sains Humanika* 2(1) 145–50. <http://www.sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/387/367>.
- Nuwayrī, Ahmad °Abd al-Wahhāb. (2002). *Nihāyah Al-Arab Fi Funūn Al-Adab*. Kaherah: Dār al-Kutub.
- Qurṭubī, Muhammad Ahmad. (1964). *Tafsīr Al-Qurṭūbī. Ahmad Al-Bardūni (pnyt.)*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Razī, Muhammad Abū Bakr. (1999). *Mukhtār Al-Ṣiḥāḥ*. Beirut: Maktabah al-°Aṣriyyah.
- Shitaywī, Ahmad Ahmad. (2003). *Diwan Al-Imām Shāfi'ī*. Mesir: Dār al-Ghadd al-Jadīd.
- Zahrān, Ḥāmid °Abd al-Salām. (1994). *Al-Tawjīh Wa Al-Irshād Al-Nafsī*. Beirut: °Ālam al-Kutub.
- Zulkifli Abdul Hamid. (2013). *MAIS Komited Mantapkan Akidah Saudara Baru. Majlis Agama Islam Selangor*. <http://www.mais.gov.my/mais-theme/pdf/mnewsjan13.pdf>.

